

MAJLIS MAKAN MALAM PERDANA 2014 PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA

25/02/2014

DEWAN MERDEKA, PWTC

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

YB Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang, Yang DiPertua Dewan Negara, YB Dato Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan YBhg CP Datuk Mortadza bin Nazarene, Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM YBhg Senior DCP Datuk Seri Mohamad bin Salleh, Ketua Polis Kuala Lumpur YBhg Tuan Shafie bin Bakri, Presiden, Persatuan Bekas Polis Malaysia Tan Sri/Puan Sri, Datuk Seri/Puan Seri, Datuk/Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Pertama sekali, saya memanjat rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat bersama-sama hadirin sekalian dalam Majlis Makan Malam Perdana anjuran Persatuan Bekas Polis Malaysia bertujuan mengumpul dana membeli bangunan pejabat Persatuan yang terletak di Taman Sri Rampai, Setapak, Kuala Lumpur. 2. Saya turut merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada PBPM yang sudi menjemput saya untuk bersama hadirin hadirat sekalian di majlis pada malam ini. Tuan-tuan dan Puan-puan 3. Saya difahamkan PBPM telah mula mengumpul dana bagi tujuan membeli bangunan untuk PBPM sejak dari tahun 2002 lagi. Sehingga kini, hasil usaha gigih dan berterusan oleh pihak jawatankuasa PBPM akhirnya telah berjaya mendapatkan bangunan berharga lebih kurang RM 2.0 juta. 4. Saya ingin mengucapkan syabas kepada semua hadirin yang hadir dalam dewan ini kerana komited dan sudi menghulurkan sumbangan secara langsung, atau melalui penajaan meja jamuan bagi memperkukuhkan persatuan ini. Alhamdulillah, sikap iklas menghulurkan bantuan masih lagi menebal di kalangan rakyat Negara ini. Sikap baik budi dan penyayang ini seharusnya dikekalkan serta disemai kepada generasi muda kita hari ini. 5. Perwatakan dan sikap yang baik dan positif adalah amalan yang perlu diterapkan pada setiap rakyat, khususnya golongan belia kita, agar proses pembentukan masyarakat penyayang, prihatin dan produktif dapat dijana dengan berkesan. Masyarakat yang mempunyai nilai-nilai murni, terutamanya yang berlandaskan agama, akan mudah membantu hasrat pemimpin dan Kerajaan untuk membina dan melaksana dasar-dasar sosio-

ekonomi yang memberi manfaat dan kesejahteraan kepada golongan pelbagai peringkat. 6. Jika diimbau semula, formula pembentukan masyarakat yang cinta dan sayangkan negara bermula dari sejak awal sejarah negara. Nilai-nilai taat setia dan cintakan negara diperlihatkan melalui keringat darah dan airmata datuk moyang kita untuk mendapatkan kemerdekaan. Pengorbanan dan dedikasi mereka inilah yang menyediakan landasan kukuh untuk rakyat Malaysia, tidak mengira bangsa ataupun agama, hidup dalam suasana kemerdekaan acuan kita sendiri. 7. Kita lihat bagaimana banyak Negara yang dulunya setaraf dengan Malaysia, tetapi hari ini menjadi lebih miskin dan tidak stabil. Sehubungan itu, Kerajaan mengakui kesejahteraan dan kemerdekaan yang dicapai ini terlalu berharga, dan sebarang bentuk ancaman khususnya ancaman kepada keselamatan rakyat dan Negara perlu di bendung. Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian, 8. Kerajaan amat berbangga peranan anggota-anggota keselamatan khususnya Polis Diraja Malaysia, yang diamanahkan dengan tanggungjawab yang cukup berat ini, telah dapat melaksanakannya dengan cemerlang. Tuan-tuan dan Puan-puan yang ada disini malam ini telah cukup banyak menabur bakti untuk rakyat hari ini menikmati kesenangan dan kehidupan harian yang aman. 9. Amatlah nyata Kerajaan menghargai peranan yang dimainkan oleh bekas anggota-anggota polis dalam memartabatkan kemajuan sosial dan ekonomi Negara. Ini kerana kejayaan negara pada hari ini bukanlah datang secara bergolek tetapi melalui fasa-fasa yang mencabar terutamanya dari segi ancaman selepas penaklukan Jepun, khususnya di zaman darurat penganas komunis, dan trajedi perkauman Mei 13, 1969. 10. Ribuan nyawa anggota kita yang telah terkorban dan cedera parah, atau cacat seumur hidup sewaktu bertugas. Yang turut memilukan lagi ramai ibu-bapa kehilangan anak-anak mereka, dan ada antaranya anak-anak yang membesar tanpa kasih sayang ayahanda atau bonda yang gugur mempertahankan ibu pertiwi. 11. Di pihak kerajaan, kita tidak akan putus memberi perhatian kepada kebajikan pesara-pesara Polis terutamanya yang melibatkan keperluan meringankan beban pejuang-pejuang yang meliputi bantuan perubatan, bantuan anak-anak bersekolah, bantuan alat-alat sokongan dan khairat kematian, bencana dan lain-lain. Peruntukan kerajaan membantu pesara-pesara melalui melalui Tabung Amanah Warisan Polis akan dikaji serta akan dipertingkatkan mengikut kesesuaian masa. 12. Sehubungan itu, baru-baru ini melalui permohonan Persatuan Bekas Polis Malaysia, Kerajaan telah membelanjakan lebih-kurang RM200 juta yang merupakan sumbangan khas kepada pahlawan Negara yang pernah berkhidmat di

zaman darurat 1948-1960 termasuk Sabah dan Sarawak (1962-1974). Kerajaan juga telah meluluskan pemberian Pingat Jasa Pahlawan Negara kepada bekas Polis dan anggota PDRM, mengikut kelayakan yang ditetapkan. Hadirin yang dihormati sekalian, 13. Pada hari ini, isu-isu keselamatan adalah agak berbeza malahan bertambah kompleks dan sofistikated. Keselamatan negara diuji melalui isu-isu eksterimist agama/ajaran sesat seperti kes Al-Maunah, dakwaan sesat mengaku Tuhan; anasir subersiv yang melibatkan permusuhan kaum, rusuhan; pendekatan pelampau politik, jenayah terancang serta melangkai sempadan; jenayah keganasan; isu pemerdagangan manusia dan sebagainya. 14. Yang lebih membimbangkan adalah pengisian negatif teknologi maklumat yang mendorong kepada masalah-masalah keselamatan. Pengisian negatif yang tak terkawal ini mudah memasuki ruang peribadi individu dan memerlukan pendekatan pencegahan yang lebih moden dan kreatif. Perkembangan ini cukup merisaukan kerana di zaman ini segala bentuk maklumat ancaman dan jenayah boleh disebar dan dicapai melalui peralatan telekomunikasi. 15. Oleh itu, Kerajaan berharap, tuan-tuan dan puan-puan dapat membantu menjadi telinga dan mata kepada Kerajaan khususnya berperanan sebagai orang tengah yang dapat menyalur maklumat yang sahih dan maklumbalas yang tepat dan cepat kepada pemimpin dan kerajaan. 16. Malahan, tuan-tuan dan Puan-puan boleh menyampaikan maklumbalas kepada Kerajaan mengenai situasi dan perkembangan semasa berhubung aktiviti-aktiviti yang berupaya menjadi ancaman kepada keselamatan dan kestabilan sosial dan ekonomi Negara. Contohnya, di dalam isu kos sara hidup hari ini, PBPM boleh membantu menyalurkan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti seperti penyeludupan barangan, atau sindikit perniagaan yang mengambil kesempatan, dan lain-lain yang berkaitan. 17. Saya berpendapat dengan pengalaman, kemahiran dan keupayaan yang tuan-tuan dan puan-puan timba semasa berkhidmat dahulu, ianya masih relevan dan terus dapat dimanfaatkan melalui program-program kerjasama dengan masyarakat,agensi Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta. 18. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada PBPM sebagai sebuah persatuan yang aktif menggerakkan aktiviti-aktiviti berfaedah untuk ahli-ahli dan masyarakat. Inilah antara perkara-perkara yang menepati peranan NGO sebagai agen kepada pembangunan negara. Saya dimaklumkan ramai diantara ahli-ahli PBPM turut terlibat sebagai jawatankuasa di peringkat akar umbi seperti JKKK, atau NGO, mahupun diperingkat yang lebih tinggi. 19. Dengan ini, saya berharap pihak PBPM dapat terus menyelaras dan memperkasa aktiviti-aktiviti

perkongsian maklumat dan kesedaran dengan masyarakat dan komuniti setempat mengenai isu-isu berkenaan ancaman keselamatan dan kestabilan sosial, ekonomi negara. 20. Saya pasti melalui penganjuran berterusan aktiviti-aktiviti seperti ceramah, seminar dan khidmat nasihat, ahli-ahli PBPM juga dapat membantu menerangkan pentingnya dasar-dasar keselamatan Negara difahami dan dihayati oleh rakyat, serta perlaksanaanya yang tidak mengira kaum, kedudukan ataupun darjat. 21. Dalam pada itu, program-program kerjasama kemasyarakatan akan membantu menerapkan rasa tanggung-jawab rakyat terhadap pematuhan keselamatan dan peraturan, serta peranan mereka dalam membantu meningkatkan keselamatan awam dan keharmonian persekitaran mereka dan keluarga mereka. 22. Saya telah difahamkan mengenai beberapa aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Persatuan Bekas Polis Malaysia di peringkat sekolah dan forum-forum tertentu yang melibatkan generasi muda telah mula dilaksanakan di beberapa buah sekolah dan juga di kawasan-kawasan taman perumahan. 23. Sebagai Menteri Pelajaran, saya amat mengalu-alukan program-program berkenaan serta akan sentiasa menghulurkan bantuan dan sokongan agar program-program tersebut dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Tuan-tuan dan Puan-puan, 24. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Persatuan Bekas Polis Malaysia yang telah berjaya menganjurkan majlis pada malam ini. Saya berharap hasil dari semangat perpaduan yang kukuh dan komitmen yang cukup tinggi di kalangan anggota PBPM, dan bangunan baru sebagai Ibu Pejabat Persatuan Bekas Polis Malaysia, pelbagai lagi program-program akan dapat dijana. 25. Kerajaan memberi jaminan akan terus menyokong usaha Persatuan Bekas Polis Malaysia dan akan sentiasa memberi pertimbangan sewajarnya kepada kebajikan ahli PBPM yang telah banyak berjasa kepada Negara, bangsa dan agama. 26. Akhir sekali, saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat maju jaya kepada seluruh ahli Persatuan Bekas Polis Malaysia. Sekian, Assalamualaikum WBT.